

Pendidikan Spiritual untuk Anak Jalanan di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, Kuala Lumpur

Spiritual Education for Street Children at Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, Kuala Lumpur

FARAH HAMIZAH SAMSUDDIN & HAZIYAH HUSSIN*

ABSTRAK

Fenomena anak jalanan di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur amat membimbangkan. Anak jalanan ini menghabiskan banyak masa di jalanan disebabkan tahap sosio-ekonomi keluarga yang rendah dan hidup dalam persekitaran negatif. Mereka juga menghadapi konflik keluarga dan keciciran dalam pendidikan justeru mereka mengalami penurunan motivasi dan masalah kestabilan emosi. Oleh itu, pendidikan spiritual wajar diberi perhatian kepada anak jalanan kerana ia memberi kekuatan dalaman untuk mereka mengubah diri dan keluar dari kitaran kehidupan di jalanan. Artikel ini bertujuan mengkaji peranan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK), Kuala Lumpur dalam melaksanakan pendidikan spiritual kepada anak jalanan. Ia turut menganalisis cabaran yang dihadapi dalam memenuhi keperluan pendidikan spiritual untuk golongan ini. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pendekatan kajian kes. Data dikumpulkan daripada temu bual semi berstruktur dengan pentadbir sekolah dan lima orang guru Pendidikan Islam yang dipilih dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan. Selain itu, kaedah analisis kandungan ke atas data enrolmen pelajar, kurikulum dan Laporan Tahunan Kementerian Pendidikan Malaysia dilakukan untuk mendapatkan data berkenaan murid dan aktiviti kerohanian di SBJK. Data ini seterusnya, dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa SBJK memainkan peranan penting dalam melaksanakan pendidikan spiritual kepada anak jalanan melalui modifikasi kurikulum dan amalan pengajaran dan pembelajaran yang fleksibel serta profesionalisme keguruan yang tinggi. Cabaran utama dalam melaksanakan pendidikan spiritual bagi anak jalanan adalah kekurangan tenaga pengajar, kemahiran pengajaran dan pembelajaran, limitasi penempatan murid di sekolah dan kekurangan sokongan keluarga. Kajian ini menunjukkan pendidikan spiritual amat signifikan dalam meningkatkan keyakinan diri dan kestabilan emosi anak jalanan serta mendorong mereka kembali kepada ajaran agama.

Kata kunci: Pendidikan spiritual; anak jalanan; keciciran pendidikan; kualiti hidup; Pendidikan Islam

ABSTRACT

The phenomenon of street children in major cities such as Kuala Lumpur is especially concerning. These street children spend a lot of time on the streets since their family has a low socioeconomic status and they live in a bad neighborhood. They report diminished motivation and issues with mental stability since they deal with family conflicts and educational dropouts. Therefore, it is important to focus on spiritual education for street kids since it offers them the inner strength to transform their lives and escape the pattern of living on the streets. The purpose of this study is to investigate how Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, Kuala Lumpur, helps street children receive a spiritual education. It also examines the difficulties encountered in serving the spiritual education needs of this group. The study employs a qualitative design with a case study approach. Data were gathered through semi-structured interviews with school administrators and five Islamic Education teachers chosen through purposive sampling techniques. Furthermore, the method of content analysis on student enrolment data, curriculum, and the Ministry of Education's Annual Report is used to obtain data on spiritual activities at SBJK. The findings indicate that SBJK plays an important role in implementing spiritual education to street children through curriculum modification, flexible teaching and learning practices, and high teacher professionalism. The main challenges in implementing spiritual education for street children are a lack of teaching staff, teaching and learning skills, student placement limitations in schools, and a lack of family support. This study found that spiritual education is very important in increasing the self-confidence and emotional stability of street children, as well as encouraging them to return to religious education.

Keywords: Spiritual education; street children; educational dropouts; quality of life; Islamic education

PENGENALAN

Agenda pendidikan baharu yang dikenali sebagai *Education 2030* memberi peluang akses pendidikan secara sama rata kepada semua justeru memberi kesan baik dalam usaha mencorak masa depan negara. Namun, terdapat sekelompok kanak-kanak yang digelar anak jalanan mengalami keciciran daripada arus pendidikan. Anak jalanan merupakan kanak-kanak yang hidup di jalanan disebabkan oleh pelbagai faktor seperti konflik keluarga dan desakan ekonomi. Mereka menghabiskan kebanyakan masa seharian untuk bekerja, bermain dan melakukan pelbagai aktiviti di jalanan. Menurut UNICEF (2009), anak jalanan termasuk dalam golongan yang terpinggir di Malaysia. Hal ini disebabkan keciciran sebahagian hak kanak-kanak kepada mereka sebagaimana yang termaktub dalam Konvensyen dan Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611). Oleh itu, pendidikan wajar dijadikan sebagai langkah intervensi kepada anak jalanan agar mereka dapat keluar dari kitaran kehidupan yang dialami. Menerusi Falsafah Pendidikan Negara (FPN), perkembangan individu secara holistik dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek dijadikan teras utama. Keseimbangan antara keempat-empat teras ini berperanan dalam pembangunan generasi yang sempurna. Selain pendidikan yang membangunkan potensi jasmani, pendidikan berbentuk spiritual juga perlu diberi penekanan. Pendidikan spiritual tidak boleh diasingkan kerana keseimbangan antara fizikal dan spiritual menyempurnakan perkembangan lahiriah seseorang. Kesejahteraan dan peningkatan kualiti kehidupan juga boleh dicapai melalui pendidikan berbentuk spiritual yang meletakkan kebergantungan kepada Allah SWT dalam sebarang keadaan kehidupan (Siti Khatijah 2017). Pendidikan spiritual dianggap sebagai dimensi keagamaan yang boleh melahirkan peribadi yang baik dan mendorong kemajuan diri dan kehidupan selain dapat mengawal diri dari terjerumus ke dalam krisis sosial (Saifulazry 2014; Sarah 2023). Anak yang dididik dengan pendidikan spiritual memberi kesan kepada jiwa yang dipengaruhi unsur hidup beragama. Pendidikan ini juga bakal menjadi benteng dalaman kepada kelompok anak jalanan yang terdedah dengan pelbagai risiko bahaya di jalanan. Nilai ini turut menyebabkan mereka membenci dan menjauhi keburukan.

Artikel ini mengkaji peranan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, sebuah institusi pendidikan di Chow Kit, Kuala Lumpur yang menyediakan akses

pendidikan formal kepada anak jalanan. Kajian ini turut meneliti cabaran yang dihadapi dalam memenuhi keperluan pendidikan spiritual golongan ini agar ia menjadi nilai tambah kepada program intervensi pembangunan dan perkhidmatan sosial kepada mereka ke arah mencapai kesejahteraan sosial.

FENOMENA ANAK JALANAN DAN PENDIDIKAN SPIRITUAL

Isu anak jalanan merupakan suatu fenomena yang semakin menjadi kebimbangan dalam kalangan banyak negara membangun termasuk negara kita. Berdasarkan kepada Konvensyen dan Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611), kanak-kanak merupakan seseorang yang berumur 18 tahun ke bawah. Setiap kanak-kanak perlu dipastikan hak dan kebajikan mereka terbelas. Sistem sokongan sosial seperti pendidikan, kesihatan dan perlindungan perlu diberikan kepada semua kanak-kanak termasuk anak jalanan. Anak jalanan merupakan kelompok kanak-kanak yang menghabiskan kebanyakan masa berada di jalanan dan menjalankan aktiviti ekonomi untuk menyara hidup. Anak jalanan menurut UNICEF (2009) ialah anak-anak yang hidup di jalanan dengan meninggalkan rumah, sekolah dan komuniti asal ketika berusia sebelum enam belas tahun. Kebebasan hidup di atas jalanan tanpa perlindungan dan pemantauan sepenuhnya daripada ahli keluarga atau orang dewasa menyebabkan anak jalanan hidup berdikari serta saling bergantung dengan rakan jalanan yang lain. Tiga klasifikasi anak jalanan yang telah diputuskan oleh UNICEF iaitu *children on the street*, *children of the street* dan *children in the street*. Perbezaan antara ketiga-tiga klasifikasi adalah dari sudut hubungan jalinan kekeluargaan, pemilikan tempat tinggal dan usaha dalam menjalankan kegiatan ekonomi. *Children on the street* merujuk kepada kanak-kanak yang menjalankan kegiatan ekonomi di jalanan namun masih mempunyai keluarga dan pulang ke rumah setiap hari. Kumpulan yang kedua iaitu *children of the street* merujuk kepada kanak-kanak yang menghabiskan kebanyakan masanya di jalanan dan tidak mempunyai keluarga atau memutuskan hubungan dengan keluarga kerana pelbagai faktor dalaman dan luaran. Kumpulan ketiga iaitu *children in the street* merujuk kepada kanak-kanak yang menghabiskan keseluruhan waktunya di jalanan dan berasal dari keluarga yang turut tinggal di jalanan.

Anak dari kumpulan ketiga ini turut digelar anak gelandangan.

Kewujudan anak jalanan disebabkan oleh pelbagai faktor. Faktor ekonomi merupakan penyumbang terbesar yang mengakibatkan mereka ke jalanan bagi mendapatkan peluang pekerjaan (Dhea, Wenny & Irvan 2022; Arpin, A. Agustang & Andi M. Idkhan 2022). Antara aktiviti tipikal yang dilakukan bagi mendapatkan sara diri adalah kerja mencuci, menjual ikan, buah, sayur, rokok, surat khabar dan nombor ekor serta upah mengangkat barang dan mengemis (Siti Nur Fathanah et. al, 2017). Bidang pekerjaan ini tidak memerlukan kemahiran yang tinggi dan boleh dilakukan oleh kanak-kanak walaupun di bawah umur. Faktor lain yang mendorong kepada kewujudan golongan anak jalanan ialah konflik keluarga. Mereka berhadapan konflik keluarga seperti ibu bapa yang telah meninggal dunia atau berpisah (Muhammad Wafi & Sharifah Rohayah 2017; Dhea, Wenny & Irvan 2022). Konflik ini menyebabkan mereka hilang tempat bergantung dan mencari pergantungan lain di jalanan selain menjalankan aktiviti untuk sara diri. Selain itu, terdapat juga anak jalanan yang mengalami penderaan dan eksploitasi sehingga mendesak anak tersebut meninggalkan rumah untuk mengelakkan kekerasan berterusan.

Krisis anak jalanan banyak berlaku di bandar-bandar besar dan kawasan yang mengalami urbanisasi. Menurut Achmad Dzikril dan Abdul Muhid (2022), Dhea, Wenny dan Irvan (2022) dan Arpin, A. Agustang dan Andi M. Idkhan (2022), jumlah anak jalanan semakin meningkat di Indonesia disebabkan masalah ekonomi. Krisis ini menyebabkan mereka ketinggalan dalam pendidikan, berdepan dengan pelbagai gejala negatif termasuk kesan psikologi terhadap mental dan emosi. Hal ini menjadikan isu anak jalanan sebagai satu masalah kesejahteraan sosial yang serius yang perlu ditangani. Di Malaysia, kawasan tumpuan anak jalanan di Malaysia adalah di sekitar Kuala Lumpur dan Sabah (*Child Right Coalition Malaysia* 2012). Namun begitu, populasi sebenar keseluruhan anak jalanan tidak dapat dipastikan termasuklah di mana-mana negara yang berhadapan dengan masalah global ini (Mohamad Sharani et. al 2011). Ketiadaan data yang tepat atau kajian formal menunjukkan wujudnya diskriminasi terhadap anak jalan justeru menjadikan mereka terpinggir dalam rancangan pembangunan dan terabai dari sudut sosial dan undang-undang (Nurul Hidayat, Salawati & Mohd Zamre 2022). Bagi kawasan

Kuala Lumpur, anak jalanan banyak didapati di kawasan Chow Kit di mana kawasan ini mengalami kepadatan penduduk dari pelbagai lapisan masyarakat dan turut dibanjiri oleh warga asing. Kawasan ini sinonim dengan kawasan yang sesak, banyak kes jenayah dan sarang penagihan dadah (Mohd Alif et. al 2018). Keadaan ini mengakibatkan kehidupan anak jalanan terdedah dengan gejala sosial setempat. Hal ini boleh mempengaruhi proses tumbesaran anak jalanan kerana secara tidak langsung mereka mungkin ingin mencuba sesuatu yang baharu walaupun perbuatan itu adalah salah. Anak jalanan juga terdedah dengan pelbagai risiko dan bahaya disebabkan oleh persekitaran kehidupan di jalanan. Menurut Mohamad Nasir et. al (2015), tiga faktor yang menyebabkan anak-anak berisiko untuk terlibat dengan gejala yang tidak sihat adalah kegagalan institusi kekeluargaan, belenggu kemiskinan keluarga dan kekurangan sokongan daripada persekitaran. Kebanyakan anak jalanan memenuhi hampir ketiga-tiga faktor berkenaan. Hal ini menunjukkan mereka berhadapan risiko yang lebih tinggi untuk terjebak dalam gejala yang tidak sihat jika tidak diberi perhatian dan intervensi yang sepatutnya.

Aspek pendidikan wajar diberi perhatian dalam usaha menangani isu anak jalanan dalam usaha mengubah status sosial mereka ke tahap yang lebih baik. Pendidikan merupakan proses untuk membangunkan kebolehan manusia secara menyeluruh (Salina et. al 2016). Menurut Sa'id Hawwa (1990), spiritual adalah merujuk kepada ruhiyyah, yang bermaksud pembersihan jiwa dan perjalanan menuju ketuhanan Allah Yang Esa. Oleh itu, pendidikan spiritual adalah proses membina jiwa seorang hamba supaya yakin dengan kekuasaan Allah di samping menunaikan tanggungjawab sebagai seorang Khalifah di atas muka bumi (Rohana et. al. 2010). Pendidikan spiritual bukan sahaja menyentuh aspek amalan keagamaan, malah ia dapat memberikan kesedaran akan tujuan asal manusia diciptakan iaitu untuk menjadi hamba dan khalifah.

Menurut al-Ghazali, terdapat empat elemen dalam pendidikan spiritual iaitu kalbu (*al-qalb*), roh (*al-ruh*), jiwa (*al-nafs*) dan akal (*al-'aql*). Elemen-elemen ini merupakan komponen penting dalam pembentukan sahsiah dan intelek yang holistik kerana ia mempengaruhi penjelmaan personaliti dan sahsiah luaran dan dalaman (Mawaddah & Haziyah 2020). Menurut Sa'id Hawwa (1990), apabila *al-ruh* mendahului syahwat, maka elemen

al-nafs terbentuk. Apabila *al-ruh* menemui hakikat keimanan, maka elemen *al-qalb* terbentuk. Apabila *al-'aql* menemui pengetahuan tentang Allah, maka elemen *al-ruh* dibentuk. Elemen *al-ruh* berperanan dalam mempengaruhi tingkah laku seseorang. Dalam aspek pendidikan spiritual, *al-aql* berperanan dalam memikirkan mengenai sesuatu secara rasional manakala *al-nafs* pula berperanan memberikan suntikan spiritual (Sarmia 2016). Hal ini menunjukkan bahawa keempat-empat elemen ini saling berkaitan dan memerlukan. Pengaruh daripada kesepaduan elemen-elemen ini memberi kesan dalam melahirkan manusia yang bertakwa dan mengabdikan diri kepada Allah SWT.

Pendidikan ini bukan sekadar menambah pengetahuan manusia bahkan mampu membantu dalam meningkatkan motivasi diri. Perbezaan pengalaman hidup anak jalanan daripada kanak-kanak lain memberi kesan kepada kurang keyakinan dalam diri mereka. Dalam diri seorang manusia, terdapat motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Motivasi intrinsik berupaya meningkatkan keyakinan diri seseorang yang terdapat pada elemen *al-qalb* (Nur Shahidah et. al 2015) manakala motivasi ekstrinsik pula ialah motivasi yang dibantu dari sudut fizikal melibatkan peranan ibu bapa dan persekitaran. Penurunan motivasi diri boleh memberi kesan kepada kualiti hidup yang rendah. Berdasarkan kepada kajian Siti Hajar et. al (2012), individu yang mengalami penurunan kualiti hidup bakal mengalami kecelaruan psikososial seperti kehilangan identiti diri dan budaya, kesukaran untuk membina hubungan sosial dan mengalami tekanan perasaan. Menerusi kajian oleh Salasiah et. al (2012), terdapat perkaitan yang signifikan antara motivasi diri dengan tahap amalan spiritual. Oleh yang demikian, pendidikan berbentuk spiritual perlu diberi penekanan kerana pendidikan ini bukan sahaja menyentuh mengenai hakikat ketuhanan, dalam masa yang sama ia turut berkesan dalam meningkatkan motivasi diri.

Selain itu, pendidikan spiritual juga berkesan dalam meningkatkan emosi anak jalanan. Anak jalanan mempunyai ciri tingkah laku yang kasar (Yapandi 2018), tidak memiliki kekuatan emosi dan mental serta bermasalah harga diri (Achmad Dzikril & Abdul Muhid 2022). Akibat daripada pengalaman hidup yang dialami di jalanan, mereka melepaskan emosi yang berunsurkan kekasaran. Kekerasan yang dialami oleh mereka disebabkan oleh penderaan dan eksploitasi oleh keluarga, persekitaran harian dan kesempitan dalam kehidupan yang dialami oleh

anak jalanan ini menyebabkan mereka mengalami gangguan emosi. Tekanan dari sudut ini boleh dipulihkan dengan suntikan pada elemen spiritual *al-aql* supaya minda mereka boleh berkembang dengan sihat terkawal (Herlina 2014). Tindakan ini turut membantu dalam mengawal perilaku mereka dari terpengaruh dengan persekitaran yang negatif. Secara tidak langsung, pengaruh motivasi dan emosi dapat dipulihkan selain membentuk perilaku yang baik. Dalam hal ini, pendidikan pembangunan jasmani dan pendidikan spiritual perlu seimbang supaya ia memberikan kesan positif dalam kehidupan (Nor Aishah et. al 2013; Sarah 2023).

Pendidikan spiritual wajar dijadikan sebagai satu langkah intervensi kepada anak jalanan dalam melaksanakan perubahan kepada kehidupan mereka. Perubahan dalam diri anak jalanan yang dihasilkan oleh pendidikan spiritual mendorong mereka untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan keburukan. Terdapat kajian-kajian lepas yang dijalankan secara khusus bagi mengkaji mengenai pelaksanaan pendidikan spiritual oleh institusi pendidikan kepada anak jalanan. Antaranya ialah kajian oleh Rifanto (2013) di Rumah Perlindungan Sosial Anak (RPSA) Anak Bangsa untuk anak jalanan di Kota Semarang, Indonesia. Kajian ini mendapati bahawa bimbingan dan pemulihan dari sudut spiritual ke atas anak jalanan merupakan satu langkah penanganan yang berkesan untuk meningkatkan motivasi mereka keluar dari kehidupan jalanan. Rumah perlindungan ini dibina melalui Yayasan Katolik namun, dalam urusan spiritual, yayasan ini memberikan kebebasan kepada anak jalanan untuk mereka beribadah sesuai dengan agama dan kepercayaan masing-masing. Hal ini menunjukkan keperluan pendidikan spiritual dititikberatkan tanpa mengira batas keagamaan kerana spiritual membawa sebuah dimensi perubahan sikap yang positif kepada seseorang yang berada dalam kesulitan.

Dapatan kajian Yapandi (2018) juga menunjukkan banyak persamaan antara model spiritual dan model keagamaan. Model kecerdasan spiritual oleh Danah Zohar (2010) diterapkan kepada anak jalanan menerusi modul keusahawanan. Sasaran modul ini adalah untuk mengubah diri anak jalanan dari aspek sikap, kebolehan diri dan mewujudkan persaingan sihat dalam keusahawanan berteraskan elemen keagamaan. Ciri anak jalanan yang berusaha keras mendapatkan pendapatan menunjukkan potensi diri dalam bidang perniagaan. Jika diberi pendedahan yang baik, usaha ini turut mampu menjana kestabilan ekonomi negara.

Dapatan ini selari dengan kajian Rifanto (2013) yang menunjukkan bahawa pendidikan spiritual tidak terhad kepada amalan keagamaan semata-mata, malah mencakupi ruang yang lebih luas dan pelbagai aktiviti dalam kehidupan. Kajian Rifanto (2013) dan Yapandi (2018) menunjukkan bahawa pelaksanaan pendidikan spiritual kepada anak jalanan di Indonesia diaplikasikan berdasarkan pendekatan intervensi *centre-based*. Menurut Lusk dalam Rivanlee & Hery (2015), pendekatan *centre-based* mengumpulkan anak jalanan di rumah singgah dan diberikan rehabilitasi kepada mereka untuk mengubah diri mereka berdasarkan modul yang tersusun. Antara pusat rehabilitasi yang menggunakan pendekatan pendidikan spiritual yang dibuktikan berkesan ialah Rumah Singgah al-Ma'un, di Kota Bangkulu, Indonesia. Kajian Sundari (2021) terhadap anak jalanan di pusat tersebut menegaskan keperluan pendidikan dan bimbingan agama supaya mereka dapat meningkatkan motivasi dan keyakinan diri. Aktiviti-aktiviti keagamaan dapat membantu individu membentuk dirinya sebagai manusia seutuhnya bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Antara aktiviti yang dilaksanakan di Rumah Singgah al-Ma'un ialah bimbingan solat, membaca al-Quran dan menghafal surah-surah pendek serta menghafal hadis. Pendekatan dalam penyampaian adalah pelbagai termasuk ceramah, praktikal, nasihat dan soal jawab. Bimbingan yang dijalankan ini dapat menarik minat yang tinggi dalam kalangan anak jalanan. Faktor lain yang menyokong kejayaan pendidikan ini juga ialah kompetensi guru dan pembimbing dalam bidang keagamaan serta sifat mereka yang baik, di samping faktor kemudahan yang mencukupi. Achmad Dzirkil dan Abdul Muhid (2022) merumuskan bahawa kewujudan pusat-pusat khusus terbukti peranannya dalam memperkasakan anak jalanan dan memberi kesan positif dalam meningkatkan bakat dan potensi, membentuk dan meningkatkan sikap empati dan keteguhan komitmen sehingga dapat meningkatkan wawasan serta kemandirian yang membentuk *self-esteem* dalam kalangan mereka.

Di Malaysia, sebuah sekolah dibina khusus sebagai pendekatan *centre-based* kepada anak jalanan di Chow Kit. Sekolah Bimbingan Jalinan

Kasih (SBJK) dibina pada tahun 2013 bagi menyediakan akses pendidikan formal kepada anak jalanan. Sekolah ini ditubuhkan bagi memenuhi agenda pendidikan baru (*Education 2030*) yang memberikan peluang sama rata dalam memenuhi hak pendidikan untuk semua lapisan masyarakat. Selain pendidikan membangunkan jasmani, murid turut diterapkan pendidikan berbentuk spiritual. Pendidikan spiritual diaplikasikan merentas subjek kurikulum namun, pelaksanaan pendidikan ini lebih tertumpu pada subjek Pendidikan Islam.

METODE KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pendekatan kajian kes ke atas Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK), Kuala Lumpur. Lokasi kajian ini ialah SBJK kerana objektif penubuhan sekolah ini adalah untuk memberi akses pendidikan kepada anak jalanan di bandaraya Kuala Lumpur yang keciciran pendidikan. Data kajian dikumpulkan daripada temu bual separa struktur dengan pentadbir sekolah dan guru Pendidikan Islam berjumlah lima orang. Pada kebiasaannya, bilangan sampel bagi kajian kualitatif adalah kecil bahkan bagi kajian kualitatif yang melibatkan populasi yang mempunyai demografi yang sama, saiz sampel sekecil satu hingga tiga orang sudah memadai (Ghazali & Sufean 2016). Mereka dipilih melalui teknik persampelan bertujuan kerana faktor kemungkinan besar mereka memberikan maklumat yang akan menjawab soalan penyelidikan. Menurut Lawrence et. al. (2015). teknik pensampelan jenis ini digunakan secara meluas dalam penyelidikan kualitatif bagi mengenalpasti dan memilih kes-kes yang kaya dengan maklumat berkaitan dengan fenomena yang dikaji, berdasarkan kriteria tertentu. Oleh itu, pemilihan pentadbir dan guru-guru Pendidikan Islam sangat relevan dengan kajian ini kerana mereka terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek Pendidikan Islam dan Kelas Agama Fardhu Ain (KAFA) di samping mereka bertanggungjawab dalam hal ehwal spiritual murid-murid di SBJK. Latar belakang peserta kajian (PK) ditunjukkan dalam jadual di bawah:

JADUAL 1. Latar Belakang Peserta Kajian

Peserta Kajian	Jumlah Tempoh perkhidmatan	Tempoh perkhidmatan di SBJK	Opsyen/Subjek Mengajar di SBJK	Kelulusan Akademik
PK-P1	16 tahun	6 tahun	Sains (KBSR)	Ijazah Sarjana Muda
PK-G1	7 tahun	6 tahun	Pendidikan Islam (KBSR)	Ijazah Sarjana Muda
PK-G2	11 tahun	7 tahun	Pendidikan Islam (KBSR)	Ijazah Sarjana Muda
PK-G3	8 bulan	2 bulan	KAFA	Ijazah Sarjana Muda
PK-G4	8 bulan	2 bulan	KAFA	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)
PK-G5	4 tahun	2 bulan	KAFA	Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)

Sumber: Soal Selidik (2019)

Kaedah temu bual separa struktur dijalankan terhadap enam orang peserta kajian yang dipilih secara bertujuan bagi memenuhi objektif kajian dan mencapai ketekalan data. Temu bual dijalankan secara berulang (*re-interview*) bagi menjaga kredibiliti dan kesahan data kajian. Oleh itu, set soalan temu bual diulang pada peserta kajian yang berbeza bagi mendapatkan maklumat sokongan dan data tambahan (Ghazali & Sufean 2016). Dua set protokol temu bual yang masing-masing mengandungi sepuluh soalan telah disediakan sebelum sesi temu bual mendalam dijalankan. Set pertama ialah protokol temu bual yang dibina khusus bagi pihak pengurusan sekolah. Soalan dibina berdasarkan pengalaman peserta kajian di dalam hal ehwal pengurusan guru, murid dan aktiviti di SBJK. Set kedua pula ialah protokol temu bual yang dibina khusus bagi guru-guru yang mengajar subjek berkaitan pendidikan spiritual seperti Pendidikan Islam dan KAFA. Soalan dibina berdasarkan pengalaman mereka di dalam pengurusan bilik darjah, murid serta pelaksanaan aktiviti peringkat sekolah. Soalan susulan pula dibina berdasarkan jawapan yang diberikan oleh peserta kajian semasa sesi temu bual dijalankan. Hal ini bagi membolehkan kajian ini mendapatkan informasi yang lebih jelas dan mendalam mengenai persoalan kajian. Kesahan kandungan protokol dan senarai semak ini dibuat melalui pengesahan pakar, seterusnya kajian rintis dilakukan dengan menemu bual guru di SBJK yang hasilnya menunjukkan terdapat keselarasan antara jawapan terhadap soalan temu bual dengan objektif yang dibina.

Data kajian juga dikumpulkan melalui analisis dokumen. Menurut Creswell (2003), data dokumen dapat menyediakan maklumat yang sangat berguna bagi memahami sesuatu fenomena yang berlaku

serta boleh menjadi bukti data sebenar yang dapat dilihat, dirasa dan dipegang. Dokumen juga memberi maklumat yang pantas kerana boleh terus dianalisis tanpa perlu membuat transkripsi seperti data temu bual. Ghazali & Sufean (2016) membahagikan dokumen kepada tiga kategori iaitu dokumen peribadi, dokumen rasmi dan dokumen tidak rasmi. Kajian ini menggunakan dokumen daripada kategori dokumen rasmi dan dokumen tidak rasmi bagi menyokong data temu bual dari peserta kajian. Dokumen rasmi tersebut ialah data enrolmen murid di SBJK, Laporan Aktiviti Tahunan, Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah dari KPM dan Kurikulum Bersepadu KAFA dari Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Manakala bagi dokumen tidak rasmi, kajian ini mendapatkan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran, rancangan pengajaran harian dan rekod pentaksiran peribadi.

Data temu bual ditranskripsi dalam bentuk perkataan demi perkataan dan ayat demi ayat bagi membolehkan penganalisisan data dilakukan. Setiap transkrip yang telah lengkap diletakkan nombor pada setiap baris di bahagian sebelah kiri teks sebagai rujukan silang semasa melaporkan dapatan kajian. Transkripsi temu bual ini diserahkan kepada peserta kajian untuk semakan kandungan dan perakuan. Seterusnya, unit yang bermakna dalam transkripsi dikelompokkan di bawah tema dan sub-sub tema serta dikategorikan dengan menggunakan kod-kod yang telah ditentukan berdasarkan persoalan kajian. Data ini kemudiannya dianalisis secara deskriptif dengan sokongan data daripada analisis dokumen. Kaedah triangulasi dalam pengumpulan data kajian ini juga berperanan dalam mengukuhkan kesahan data dalam hasil kajian.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) ini ditubuhkan bagi memenuhi agenda pendidikan baru (*Education 2030*) yang memberikan peluang sama rata dalam memenuhi hak pendidikan untuk semua lapisan masyarakat. Hal ini selaras dengan konsep yang dibawa oleh UNESCO iaitu *Education for All* (EFA). Dasar Pendidikan Wajib yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang mula dikuatkuasakan pada 2003 juga membolehkan anak jalanan diberikan akses pendidikan formal tanpa pengecualian. Sekolah ini didirikan pada tahun 2013 atas inisiatif dan dorongan Perdana Menteri Malaysia Keenam, Datuk Seri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak bagi memastikan anak jalanan mendapat pendidikan berkualiti sama seperti kanak-kanak lain (Safina 2017). Sekolah ini dibangunkan khusus untuk membantu anak jalanan yang berstatus gelandangan, miskin tegar, yatim piatu atau tiada dokumen pengenalan diri yang berada di Chow Kit.

SBJK menawarkan pendidikan dengan modifikasi kurikulum dan pengoperasian sekolah yang bersesuaian dengan keadaan setempat, tahap dan sosiobudaya anak terpinggir ini. Teknik pembelajaran bersifat santai dan fleksibel bagi menarik minat murid untuk hadir ke sekolah. Pihak sekolah juga menggunakan modul pendidikan yang berbeza dengan menekankan keseimbangan antara akademik dan kemahiran seperti menjahit, memasak dan muzik. Tujuan utama modul ini adalah memastikan murid menguasai aspek linus 3M iaitu membaca, menulis dan mengira di samping mengasah bakat dan potensi diri (Zulkernai 2013; Siti Hendon, Faizah & Khir 2017). Pembelajarannya

bersifat *multigrade learning* di mana murid ditempatkan di dalam satu kelas tanpa perbezaan umur. Suasana pembelajaran ini diterapkan kerana terdapat dalam kalangan murid ini yang mengalami keciciran pendidikan sebelum ini. Murid di sekolah ini dibahagikan kepada tiga peringkat pendidikan iaitu pra-sekolah untuk yang berusia bawah 7 tahun, peringkat rendah untuk yang berusia 7 hingga 12 tahun dan peringkat menengah untuk yang berusia 13 hingga 18 tahun (Zulkernai 2013).

Dalam setiap peringkat pendidikan, subjek Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Pendidikan Islam merupakan asas akademik yang mesti diambil oleh setiap murid. Selain itu, murid-murid perlu menghadiri kelas Kelas Agama Fardhu Ain (KAFA), kokurikulum dan pembangunan bakat secara berterusan yang disusun mengikut kepada hari-hari tertentu. Bidang subjek yang diajar di SBJK sesuai dengan Falsafah Pendidikan Negara yang mahukan perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelektual diseimbangkan bagi pembentukan modal insan. Falsafah ini bukan sahaja untuk melahirkan murid yang berilmu, malah sebagai satu dorongan untuk mempunyai nilai spiritual yang dizahirkan dengan akhlak yang terpuji dan motivasi yang tinggi dalam memacu keharmonian masyarakat dan negara.

Hasil kajian mendapati Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK), Kuala Lumpur memainkan peranan penting sebagai *centre-base* dalam melaksanakan pendidikan spiritual kepada murid yang terdiri daripada golongan anak jalanan. Peranan dan cabaran SBJK dalam melaksanakan pendidikan spiritual kepada anak jalanan dirumuskan dalam Jadual 1 di bawah:

JADUAL 2. Peranan dan Cabaran SBJK dalam Melaksanakan Pendidikan Spiritual kepada Anak Jalanan

Bil	Tema	Subtema
i.	Peranan SBJK Dalam Melaksanakan Pendidikan Spiritual Kepada Anak Jalanan	Sikap dan motivasi guru kemudahan selesa Perancangan aktiviti spiritual Usahasama dengan pihak luar
ii.	Cabaran SBJK Dalam Melaksanakan Pendidikan Spiritual Kepada Anak Jalanan	Kekurangan tenaga pengajar Kemahiran pengajaran dan pembelajaran Limitasi Penempatan di Institusi Pendidikan Kekurangan Sokongan keluarga

PERANAN SBJK DALAM MELAKSANAKAN PENDIDIKAN SPIRITUAL KEPADA ANAK JALANAN

Dalam memperkasakan pendidikan spiritual kepada anak jalanan, guru yang mempunyai sikap motivasi tinggi diperlukan dalam menyampaikan pendidikan di samping memahami keperluan khusus anak jalanan. Menurut Wentzel di dalam Ahmad Firdaus et al. (2016), pendidik yang mampu membina hubungan yang baik dengan muridnya dari segi emosi yang intim, selamat dan boleh dipercayai merupakan ciri pendidik yang berkualiti. Pembinaan hubungan di antara pendidik dengan murid mempunyai kesan positif kepada peningkatan motivasi diri. Motivasi diri golongan anak jalanan perlu dirangsang akibat daripada konflik hidup yang pernah dilalui. Oleh itu, pendidik perlu berusaha membina hubungan baik agar mereka merasakan bahawa mereka berada di dalam persekitaran yang selamat dan dipercayai, seterusnya meningkatkan motivasi dalam diri mereka.

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, semua peserta kajian menunjukkan sikap motivasi yang tinggi terhadap tugas menerapkan pendidikan berbentuk spiritual kepada murid. Para guru turut memiliki personaliti yang unggul seperti sikap sabar dan menunjukkan komitmen tinggi dalam menyempurnakan tugas sebagai pendidik kepada golongan terpinggir ini. Mereka mengabaikan stigma negatif yang dilemparkan oleh masyarakat kepada anak jalanan dan cuba bersikap adil dalam memberi layanan walaupun pelbagai perspektif negatif dilemparkan kepada golongan ini. Amalan ini selaras dengan panduan yang digariskan dalam *Modul Pengajaran Anak Jalanan* yang dikeluarkan oleh *World Health Organization* (WHO 2000) dalam menjadikan pendidikan sebagai satu inisiatif dalam langkah intervensi kepada anak jalanan.

Selain itu, kemudahan yang selesa boleh membantu perkembangan pendidikan spiritual murid di sekolah. Dapatan temu bual menunjukkan bahawa kemudahan yang selesa di sekolah seperti kemudahan surau untuk praktikal solat dan dewan untuk solat berjemaah berperanan dalam membentuk suasana pembelajaran yang kondusif. Ia juga merangsang proses pengajaran dan pembelajaran serta mengekalkan tumpuan dan minat belajar murid di sekolah.

“...kita sediakan tempat solat la, tempat solat yang lebih besar la, kalau surau yang ada sekarang walaupun ber ‘air conditioner’ agak kurang selesa sebab murid pun dah 150 orang kan, jadi kita buat dekat dewan...”

(PK-P1/B151-153)

Hal ini selari dengan dapatan kajian Che Nizam et. al (2013) yang menyatakan bahawa aspek keselesaan murid semasa sesi pembelajaran perlu dirancang dengan lebih menyeluruh bagi meningkatkan keberkesanan sesi pengajaran dan pembelajaran.

Aktiviti berunsur pendidikan spiritual juga dirancang dan dilaksanakan di peringkat sekolah untuk membina jati diri murid yang mantap. Aktiviti ini dilaksanakan secara berkala dan berterusan sejajar dengan keperluan murid sebagai salah satu usaha dalam membentuk murid yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Dapatan temu bual mendapati pelbagai aktiviti yang berorientasikan spiritual dijalankan di SBJK sepanjang tempoh persekolahan. Walaupun aktiviti yang dijalankan bersifat spiritual, kebanyakan murid memberikan komitmen sepenuhnya dalam setiap aktiviti yang dijalankan. Antara aktiviti yang dijalankan di peringkat sekolah seperti sambutan hari kebesaran Islam, sesi tazkirah dan bacaan Surah Yasin pada setiap Jumaat. Aktiviti ini berbentuk santai, namun memberi impak yang tinggi ke atas pembangunan spiritual murid.

“...okay tiap-tiap hari kita buat perhimpunan so dalam perhimpunan kita buat nyanyian asmaul husna. Jadi itu salah satu mengingatkan mereka tentang wujudnya Allah, Tuhan dan juga sifat-sifat tuhan yang dekat dengan kita ...”

(PK-P1/B27-29)

“...dalam perhimpunan pun kita akan terapkan permulaan mesti nasyid asmaul husna, berdo, doa belajar waktu habis kelas pun kita akan terapkan untuk baca tasbih kifarah dan surah al-‘Asar...”

(PK-G5/B25-27)

Pihak sekolah turut menjalankan usahasama dengan pelbagai agensi untuk mengadakan aktiviti berbentuk spiritual bagi murid. Antara agensi dan organisasi keagamaan yang pernah terlibat dalam program di sekolah berkenaan ialah Pertubuhan Kebajikan Pelajar Qari & Qariah Malaysia (PERQAM), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Institut Pengajian al-Quran (IPAQ) (Kementerian Pendidikan Malaysia 2018). Keterlibatan pihak luar ini menarik minat murid untuk menimba ilmu yang baharu (Laporan Tahunan KPM 2017 & 2018).

“...kita ada beberapa pihak luar contohnya persatuan Qori Qoriah, dia datang dan bagi PdP macam PdP biasa menggunakan modul orang dia tekankan sejarah nabi, menceritakan mengajar iqra’...”

(PK-P1/B131-133)

Agensi yang pernah menjalankan aktiviti sokongan bagi pendidikan berbentuk spiritual di SBJK adalah seperti berikut:

JADUAL 3. Aktiviti Anjuran Agensi Pertubuhan Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih

Tahun	Bil	Nama Agensi	Aktiviti yang dijalankan
2017	i.	Pertubuhan Kebajikan Pelajar Qari & Qariah Malaysia (PERQAM)	Kelas Fiqh, Tauhid dan al-Quran
	ii.	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)	Kelas KAFA
	iii.	Institut Pengajian al-Quran (IPAQ)	Kelas al-Quran
2018	i.	Pertubuhan Kebajikan Pelajar Qari & Qariah Malaysia (PERQAM)	Kelas Fiqh, Fardhu Ain dan al-Quran
	ii.	Institut Pengajian al-Quran (IPAQ)	Kem Qaseh Ramadan
	iii.	Unit Dakwah dan Syariah Islam, Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan kerjasama Masjid Negara	Kem Jalinan Kasih, Majlis Bacaan Yasin, Bacaan Asma al-Husna serta doa dhuha.

Sumber: Laporan Tahunan KPM 2017 dan 2018, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

Persekitaran setempat yang berisiko boleh mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku murid jika jiwa mereka tidak diorientasikan dengan paksi keagamaan (Mohd Nasir et. al 2012). Sehubungan dengan itu, pendidikan spiritual yang holistik, merangkumi elemen kalbu, jiwa, roh dan akal menjadi pemangkin pembangunan peribadi yang baik selain dapat mengawal diri dari terjerumus ke dalam krisis sosial (Saifulazry 2014; Mawaddah & Haziyah 2020) serta membantu perkembangan minda yang sihat (Herlina 2014) dan memberi pemaknaan hidup yang sebenar (Sarah 2023). Nilai ini juga meningkatkan keyakinan diri untuk berubah ke arah sikap yang positif, meningkatkan *self-esteem* seseorang dengan meletakkan kebergantungan kepada Allah SWT dalam mencapai sebuah kejayaan dan perubahan hidup (Siti Khatijah 2017; Sundari 2021). Hal ini sejajar dengan hadis Nabi SAW yang menekankan aspek pembangunan jiwa, iaitu:

Nabi SAW bersabda: ‘Bukanlah kekayaan itu kerana banyaknya harta, akan tetapi kekayaan (yang hakiki) itu adalah kaya *al-nafs* (jiwa)’.

(Riwayat al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, kitab al-Riqaq, bab al-ghina ghina al-nafs)

Menurut Sa’id Hawwa (1990), pendidikan spiritual bukan sekadar menyentuh aspek amalan keagamaan semata-mata, malah pendidikan ini dapat memberikan kesedaran akan tujuan asal manusia diciptakan iaitu untuk menjadi hamba dan khalifah, serta dapat lebih menghambakan diri kepada-Nya. Apabila anak-anak dididik dengan pendidikan spiritual, ia dapat mengekalkan kepada fitrah beragama kepada mereka dan secara tidak

langsung dapat mendidik keimanan dalam jiwa mereka.

Perlaksanaan pendidikan spiritual termasuk kurikulum formal dan bukan formal menyokong SBJK dalam mencapai sebahagian objektif penubuhannya untuk menyediakan akses pendidikan formal dalam persekitaran yang kondusif bagi kanak-kanak jalanan dan terpinggir serta membina insan yang berilmu, berkemahiran dan boleh berdikari. Kepelbagaian aktiviti ini yang dijalankan bersama komuniti dan NGO setempat juga memberikan pengalaman pembelajaran yang bermakna kepada murid-murid. Keterlibatan ini menunjukkan keprihatinan dan tanggungjawab sosial pelbagai pihak terhadap kebajikan murid di SBJK. Malah, melalui program yang dilaksanakan, pengetahuan, kemahiran dan bakat murid dapat digilap serta dapat meningkatkan keyakinan dan jati diri mereka di samping membentuk sikap positif terhadap masyarakat dan masa depan.

CABARAN PENDIDIKAN SPIRITUAL KEPADA ANAK JALANAN

Pendidikan spiritual tidak menumpukan ilmu ukhrawi semata-mata sebaliknya mencakupi ilmu duniawi. Kedua-duanya perlu seimbang agar anak jalanan ini berupaya menjadi insan yang berilmu dan boleh berfikir tentang sesuatu secara rasional dengan meletakkan nilai agama sebagai asas utama. Dalam usaha menjadikan pendidikan spiritual sebagai satu mekanisme dalam meningkatkan kualiti hidup anak jalanan, beberapa cabaran dihadapi oleh

SBJK sama ada berkaitan dengan anak jalanan itu sendiri, pendidik, institusi pendidikan mahupun persekitaran dan keluarga.

Cabaran pertama ialah kekurangan tenaga pengajar dalam melaksanakan pendidikan spiritual kerana ia terbatas kepada guru yang mengajar subjek Pendidikan Islam.

“...kita perlukan ialah tenaga pengajar la bantuan dari segi tenaga pengajar yang memang betul-betul ada pengetahuan keagamaan yang boleh bantu murid-murid ni bukan ustaz dan ustazah, ustaz dan ustazah dia terpaksa masuk semua kelas even prasekolah pun dia masuk, tak cukup tenaga, walaupun kita tahu cikgu lain boleh bantu tapi boleh bantu dari mengawal murid tapi dari segi content tu tak cukup mantap lagi untuk cikgu-cikgu biasa sebab bukan pengkhususan dia...”

(PK-P1/B178-184)

“...kalau pair teaching 2 orang tu perlukan masa juga la, perlukan tenaga untuk menyampaikan dan mengawal keadaan dalam kelas tu...”

(PK-P1/B147-148)

“...seboleh-bolehnya kita kena libatkan semua guru-guru di dalam mengajar subjek lain tu dia kena libatkan dengan jiwa sebab benda-benda spiritual ni dia berkaitan dengan dia punya kepercayaan, spiritual ni walaupun kita tidak nampak kita tengok ada kesan dia...”

(PK-G1/B64-168)

“...ha, pada saya untuk tambahkan bilangan guru, maksudnya skop mengajar tu dia akan jadi lebih kecil la bilangan muridnya...”

(PK-G3/B245-246)

“.. arr... tu pertama, yang kedua, arr... saya nak tambah lepas ni arr...saya nak bila masing-masing cikgu ada, ada ada subjek sendiri dan lepas ni ada rolling kelas...”

(PK-G4/B376-377)

Peserta kajian berpendapat bahawa bilangan guru wajar ditambah bagi mengecilkan saiz nisbah bilangan murid mengikut sebuah kelas. Bilangan semasa murid di dalam sebuah kelas ialah antara 20 hingga 25 orang. Apabila kumpulan murid di dalam kelas dikecilkan, fokus terhadap murid dan aktiviti pembelajaran berpusatkan murid dapat ditingkatkan. Isu kekurangan guru agama juga dihadapi oleh pusat bimbingan dan rehabilitasi yang lain seperti Rumah Singgah al-Ma'un di Kota Bangkulu justeru ia menjadi cabaran dalam pelaksanaan pendidikan keagamaan. Hal ini kerana menurut kajian Sundari (2021), guru tersebut perlu mempunyai ciri-ciri tertentu bagi membolehkan proses bimbingan keagamaan berkesan, antaranya berpengetahuan yang luas dari segi teori dan

praktikal, memiliki kestabilan emosi yang baik, sihat secara jasmani dan jiwanya, mempunyai minta yang tinggi terhadap pekerjaan dan individu yang dihadapinya, bersifat ramah dan sopan, serta mengamalkan prinsip kod etika bimbingan dengan sebaik-baiknya. Dalam konteks SBJK, kerjasama pihak luar dalam menerapkan pendidikan spiritual kepada murid melalui pelbagai aktiviti dianggap satu langkah yang baik oleh peserta kajian kerana ia menjadi pemangkin keberkesanan pendidikan.

Cabaran kedua adalah kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Anak jalanan mengalami kecaciran pendidikan dan ada kalangan mereka yang masih belum menguasai kemahiran menulis, mengeja dan membaca (Siti Hendon, Faizah & Khir 2017). Hal ini mengekang kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran oleh guru justeru cara dan tahap penyampaian serta kandungan pembelajaran perlu diubahsuai bagi mencapai kemampuan mereka. Guru perlu membuat persediaan pengajaran yang berbeza daripada pendidikan arus perdana. Mereka berdepan dengan cabaran membuat persediaan pengajaran bagi menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran menarik sedangkan kemahiran, masa, tenaga dan kos yang ada adalah terbatas. Mereka perlu menguasai metode pengajaran yang pelbagai bagi mengawal murid dan meningkatkan motivasi murid untuk turut serta dalam aktiviti yang dirancang. Kepenatan bekerja dan konflik yang dialami oleh murid menjejaskan kestabilan emosi dan motivasi. Pandangan peserta kajian dalam isu ini adalah seperti berikut:

“persediaan dia kita buat banyak rujukan la sebab sekolah ni dia tidak menggunakan silibus seperti di luar dan kita banyak buat rujukan untuk kita nak bagi pelajar tu lebih memahami dalam pelajaran yang lebih mudah ...”

(PK-G1/B8-10)

“Kita tengok buku macam kita sekarang kita ada modul pendidikan Islam yang kita bina kan saya rujuk juga buku tu...”

(PK-G2/B94-95)

“...ye kandungan dan juga cara saya penyampaian saya yang saya akan sampaikan kepada budak supaya dia faham apa yang saya sampaikan...”

(PK-G3/B11-12)

Menurut Norma dan Mohd Isa (2020), keberkesanan pengajaran seorang guru Pendidikan Islam bergantung kepada pengetahuannya tentang pelbagai kaedah dalam pengajaran. Ia juga dipengaruhi oleh kemahiran dan kecekapan guru

dalam menggunakan pendekatan pedagogi yang bersesuaian termasuk melaksanakan teknik atau strategi dalam pengajaran berpusatkan murid. Selain itu, kemahiran guru menyesuaikan kaedah pengajaran dengan tahap pelajar dan objektif pengajaran sangat penting dalam menentukan keberkesanan pengajaran sesuatu mata pelajaran. Hal ini akan menjadikan aktiviti pengajaran dapat dilaksanakan dengan sistematik, dari peringkat permulaan, diikuti dengan peringkat perkembangan konsep melalui penggunaan ilmu pengetahuan serta kemahiran dan diakhiri dengan aktiviti peneguhan dan pengukuhan. Kesannya juga, guru juga boleh memotivasikan murid dan menarik minat mereka supaya bersedia mengikut pengajaran guru. Dalam konteks pendidikan spiritual anak jalanan, Sarah (2023) menegaskan akan keperluan penggunaan metode khusus yang disesuaikan dengan karakter. Metode tersebut memastikan pengajaran yang disampaikan guru untuk memindahkan pengetahuan atau kebudayaan kepada anak jalanan berlaku secara berkesan. Ia juga membolehkan proses pemasukan nilai pada diri anak jalanan yang akan membentuk pola fikirnya dalam melihat makna di sebalik pengalaman hidup dan meningkatkan penguasaan ilmu. Antara metode yang disarankan ialah metode ceramah, soal jawab atau diskusi, cerita atau kisah, nasihat dan pembiasaan atau pelaziman nilai-nilai yang baik.

Bagi menangani cabaran ini, Siti Hendon, Faizah dan Khir (2017) mencadangkan modul pengajaran bertema dilaksanakan oleh guru-guru SBJK. Modul ini dibina berdasarkan satu pakej pembelajaran yang terdiri daripada gabungjalin. Selain itu, *World Health Organization* (WHO) menyedia modul pengajaran anak jalanan sebagai panduan kepada pihak-pihak yang menjadikan pendidikan sebagai satu inisiatif intervensi kepada anak jalanan. Pelaksanaan modul ini memerlukan guru yang mempunyai komitmen tinggi dalam menyampaikan pendidikan di samping memahami keperluan khusus anak jalanan. Modul ini menggariskan enam aspek yang dibincangkan bagi meningkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran, iaitu sikap guru, kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran, kemahiran dalam perancangan dan pembelajaran, kandungan pembelajaran serta bahan bantu mengajar (WHO 2020). Menurut Abdullah Ishak (1989), seorang guru perlu terlebih dahulu memiliki personaliti unggul sebelum berusaha untuk membentuk sahsiah murid melalui proses pendidikan. Pengaruh motivasi oleh guru boleh meningkatkan semangat murid agar

berusaha dengan lebih gigih dalam menuntut ilmu (Ahmad Firdaus et al. 2016). Motivasi diri golongan anak jalanan perlu dirangsang akibat daripada konflik hidup yang mereka lalui.

Oleh itu, penggunaan metode dan pendekatan pengajaran yang sesuai adalah penting bagi memastikan keberkesanan pembelajaran dan pengetahuan yang disampaikan mudah diterima oleh murid. Namun begitu, tiada modul latihan yang khusus kepada guru yang dapat membantu mereka dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran kepada golongan anak jalanan. Sebahagian guru pula mengalami kesukaran kerana kurang pengalaman berhadapan dengan rehabilitasi anak jalanan.

Cabaran ketiga ialah limitasi penempatan murid di sekolah. Dasar pendidikan wajib yang diperkenalkan oleh KPM telah membuka ruang kepada kanak-kanak yang keciciran pendidikan bagi mendapatkan hak mereka. Hala tuju sekolah untuk anak jalanan ini sentiasa ditambah baik dengan menjadikan pendidikan spiritual sebagai salah satu kandungan pembelajaran selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang turut mementingkan kesepaduan pembangunan jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Namun, institusi pendidikan yang ada ini hanya boleh memuatkan bilangan anak jalanan yang terhad dalam satu masa. SBJK sedang merancang untuk menyiapkan kemudahan asrama kepada murid bagi mengawal pergerakan anak jalanan (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian 2019). Rehabilitasi untuk anak jalanan memerlukan masa yang panjang bagi mengukuhkan diri mereka agar tidak terjerumus dengan gejala sosial setempat.

Cabaran yang keempat ialah sokongan keluarga. Kebanyakan anak jalanan menghadapi konflik kekeluargaan seperti ibu atau bapa yang terlibat dengan gejala jenayah, keluarga yang tidak mengambil berat, keluarga yang sibuk bekerja, keluarga yang berpisah dan keluarga yang meninggal dunia. Pelbagai konflik kekeluargaan yang dihadapi oleh anak jalanan menyebabkan usaha mendidik spiritual menjadi terabai atau terbatas.

“...banyak faktor lain yang boleh mempengaruhi dia oranglah. Contohnya ibu bapa sendiri, kadang ibu bapa tak solat jadi dia orang kata mak ayah tak solat tak akan dia nak solat kan, jadi dia mencontohi orang di sekeliling dia ...”

(PK-P1/B18-21)

“...kadang-kadang dia kata dekat rumah macam mana dia nak solat tak ada tempat nak solat, tak ada pakaian nak solat, tak ada air jadi kalau balik tu tak dapat buat. ha.. itu cabaran la...”

(PK-G2/B183-185)

“bila dia balik ke rumah dia balik, balik dengan life dia, contohnya kalau ibadah puasa di sekolah dia puasa, kadang-kadang kita bawa dia pergi kem puasa dia 3 hari bila balik maksudnya sembahyang penuh 5 waktu kan sehari pernah ada yang jumpa ustazah, ustazah macam mana ni balik rumah mak ayah saya cakap jangan berlagak baik la! ha macam tu la...”

(PK-G2/B98-103)

“...Pertamanya didikan daripada ibu bapa sendiri, sebab bila saya tanya dekat pelajar tu, dekat rumah solat ke tak? dia kata tak solat. Kena tanya pula mak ayah dia, mak ayah kamu solat ke tidak? Emak ayah mereka sendiri pun tak solat, akhir sekali didikan daripada keluarga, ibu bapa...”

(PK-G3/B34-37)

Pandangan guru-guru ini sejajar dengan pandangan Anuar & Norhaidawati (2016) yang menegaskan akan kepentingan sokongan dan penglibatan ibu bapa dalam proses pendidikan anak jalanan. Hal ini kerana institusi keluarga yang tidak harmoni memberi kesan terhadap pembentukan daya tahan seorang anak. Ibu bapa juga perlu mempunyai asas ilmu agama yang mencukupi supaya usaha didikan di rumah berjaya (Rida 2018). Selain itu, aspek kefahaman agama dan penghayatan nilai-nilai keagamaan dalam keluarga juga penting. Menurut Nor Dalilah dan Raihanah (2021), tahap kefahaman dan penghayatan yang rendah mendedahkan institusi keluarga kepada risiko konflik seterusnya mampu menyumbang kepada wujudnya penyakit sosial. Krisis kejiwaan dan ketandusan spiritual manusia pada masa kini dapat diatasi jika manusia kembali kepada agama dan mengamalkan ajaran-ajaran agama sebagai aturan kehidupan. Oleh kerana itu juga, kajian Naemah et. al. (2015) mencadangkan agar kaedah pendidikan spiritual anak-anak dilakukan secara komprehensif, yang melibatkan dua pihak iaitu usaha didikan di rumah, khususnya ibu; dan usaha didikan di institusi. Gabungan keduanya, *family-centered* dan *institution-centered* ini adalah berdasarkan kepada tempoh masa murid yang banyak antara sekolah dan rumah. Namun pelaksanaan pendidikan ini kepada anak jalanan memerlukan sedikit pengubahsuaian kerana keadaan sosioekonomi dan kesulitan institusi keluarga yang menyebabkan tempoh mereka berada di rumah adalah sedikit.

KESIMPULAN

Pendidikan spiritual untuk anak jalanan ini perlu dititikberatkan sebagai nilai tambah dan intervensi bagi membantu mereka membebaskan diri daripada kemelut yang dihadapi. Kewujudan

SBJK memmanifestasikan komitmen kerajaan dalam melaksanakan agenda Pendidikan yang menyeluruh. Pentadbir sekolah dan guru-guru juga menyokong usaha ini dengan menunjukkan profesionalisme keguruan dan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab meskipun berdepan dengan pelbagai kekangan dan cabaran. Oleh itu, pendidikan spiritual untuk anak jalanan ini wajar diperkasakan di SBJK malah sokongan pihak berkepentingan sama ada dalam bentuk kewangan, khidmat kepakaran atau tenaga diperlukan bagi menjayakan agenda ini. Subjek Pendidikan Islam yang ada dalam kurikulum Kebangsaan sematamata belum memadai justeru program-program tambahan wajar digerakkan termasuklah bantuan kewangan atau biasiswa atau tempat tinggal bagi membolehkan anak jalanan ini fokus terhadap pembelajaran. Pihak sekolah termasuk guru-guru juga perlu diberikan sokongan dalam bentuk latihan kemahiran khusus berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran anak jalanan. Sinergi ini dipercayai dapat menjayakan keberhasilan pendidikan spiritual dalam kalangan anak jalanan seterusnya membantu mereka mendepani cabaran kehidupan. Keberhasilan murid SBJK juga harus disokong oleh komuniti dan pihak swasta. Realiti keterlibatan pelbagai pihak dalam kegiatan spiritual ini menunjukkan bahawa Kementerian berada di landasan yang betul dalam membantu memenuhi keperluan kanak-kanak jalanan dan terpinggir meneruskan pendidikan secara terancang.

RUJUKAN

- Achmad Dzikril Ridhotulloh Dzikril. 2022. Peran rumah singgah dalam meningkatkan self-esteem anak jalanan: Literature review. *Equilibrium: Jurnal Pendidikan*. 10(2): 185-191.
- Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi & Khairunnisa A Shukor. 2016. Pembinaan hubungan di antara guru dengan pelajar. *Technical and Social Science Journal (TSSJ)*. 5(1):138-148.
- Anuar Ahmad & Norhaidawati Mohd. 2016. Persekitaran Keluarga dan Kesannya Terhadap Pendidikan Anak-Anak Jalanan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. doi: 10.13140/RG.2.2.15130.75202.
- Arpin, Andi Agustang, Andi Muhammad Idkhan. 2022. Analisis terhadap kebijakan pembinaan anak jalanan di Kota Makassar. *Jurnal Ilmu Sosial dan Pendidikan*. 6(1): 2066-2076.
- Che Nidzam Che Ahmad, Noraini Mohamed Noh, Mazlini Adnan, Marzita Putih & Mohd Hairiy Ibrahim. 2013. Pengaruh persekitaran fizikal bilik darjah terhadap tahap penyelesaian pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI* 6, 1-7.

- Children Rights Coalition Malaysia. 2012. *Status Report on Children's Rights in Malaysia*. Petaling Jaya: Child Rights Coalition Malaysia. <https://wao.org.my/wp-content/uploads/2020/11/CRCM-STATUS-REPORT-2019-FINAL.pdf> (wao.org.my).
- Creswell, John W. 2003. *Research Design Qualitative, Quantitative and Mixed Method Approaches*. 2nd edition. London: Sage Publications.
- Dhea Claudia Bertus, Wenny Hulukati & Irvan Usman. 2022. Faktor-faktor penyebab menjadi anak jalanan di kota Gorontalo. *Student Journal of Guidance and Counseling* 2(1) :66-75.
- Education Performance and Delivery Unit (PADU). 2018. *Malaysia Education Blueprint 2013-2025: Annual Report 2017*. Putrajaya: Ministry of Education Malaysia.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. 2016. *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Herlina Astri. 2014. Kehidupan anak jalanan di Indonesia: Faktor penyebab, tatanan hidup dan kerentanan berperilaku menyimpang. *Aspirasi* 5(2): 145-155.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2017. Laporan Tahunan 2016: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2019. Buku Laporan Tahunan 2018. Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH). <https://www.moe.gov.my/en/education/secondary-school/Sekolah-Bimbingan-Jalinan-Kasih>
- Lawrence A. Palinkas, Sarah M. Horwitz, Carla A. Green, M.P.H., Jennifer P. Wisdom, M.P.H., Naihua & Kimberly Hoagwood. 2015. Purposeful sampling for qualitative data collection and analysis in mixed method implementation research. *Adm Policy Ment Health*. 42(5): 533-544.
- Mawaddah Baderun & Haziyah Hussin. 2020. *Pembentukan Sahsiah Pendidik Unggul Menurut Syeikh Sa'id Hawwa*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohamad Sharani Ahmad, Risalshah Latif & Wan Anor Wan Sulaiman. 2011. Kanak-kanak jalanan Sabah. *Jurnal Kebajikan Masyarakat* 37: 43-56.
- Mohammad Nasir Bistamam, Aslina Ahmad, Amelia Mohd Noor, Ahmad Jazimin Jusoh, Mohd Bazlan Mustafa, Noraini Ismail, Samsiah Mohd Jais, Faizura Rohaizad & Mohd Noor Idris. 2015. Profil tingkah laku remaja berisiko mengambil dadah. *Jurnal Antidadah Malaysia* 9(1): 1-19.
- Mohd Alif Jasni, Siti Hajar Abu Bakar Ah, Jal Zabdi Mohd Yusoff, Khariyah Md. Shahid, Noralina Omar & Zaiton Azman. 2019. Faktor penghijrahan dan penumpuan bekas banduan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. *Jurnal Geografia* 14(1): 87-101.
- Muhammad Wafi Ramli & Sharifah Rohayah Sheikh Dawood. 2017. Memahami permasalahan golongan terpinggir di bandar: kajian kes gelandangan di George Town, Pulau Pinang. *Jurnal Geografia* 5(2): 78-94.
- Naemah Hamzah, Mohd Ismail Mustari & Bushrah Basiron. 2015. Model pendidikan kerohanian terhadap anak-anak dalam kalangan wanita cemerlang sektor awam. *Global Journal Al-Thaqafah* 5(1): 105-117.
- Nor Aishah Abdul Aziz, Mohd. Zolkifli Abd. Hamid, Ismail Saliyan, Nurul Izzati Mohd. Fuad. 2013. Kualiti pendidikan di IPT: Pendekatan spiritual dalam Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE). *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education*. Johor Bahru: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nor Dalilah Zakaria & Raihanah Azahari. 2021. Menghayati nilai Iman, Islam dan Ihsan dalam mendepani cabaran kontemporari. *Al-Ra'iq* 5(1): 20-74.
- Norma Jusof & Mohd Isa Hamzah. 2020. Kemahiran guru pendidikan Islam di sekolah rendah terhadap pelaksanaan pengajaran berpusatkan murid: Satu analisa. *International Journal of Education and Pedagogy* 2(3): 1-26.
- Nur Shahidah Paad, Yusmini Yusoff & Norrodzoh Siren. 2015. Elemen motivasi intrinsik dalam model pembangunan diri remaja dari perspektif Islam: Kajian terhadap Motivasi Alihan Pelajar di Kuala Lumpur. *International Journal of the Malay World and Civilization* 3(2): 43-51.
- Nurul Hidayat Ab Rahman, Salawati Mat Basir, Mohd Zamre Mohd Zahir. 2022. Discrimination of street children's rights to development and Sustainable Development Goals 2030 (SDG 2030). *Res Militaris* 12(2): 7041-7053.
- Rida Nur Fatimah. 2018. Keberagamaan dan pola pendidikan agama anak jalanan: studi kasus di Rumah Pintar Bang Jo PKBI Jawa Tengah. Tesis Sarjana. Universiti Islam Negeri (UIN) Walisongo.
- Rifanto Ridwan. 2013. Permasalahan anak jalanan dan penyelesaiannya menurut Syariah, undang-undang dan hak asasi manusia: Kajian kes di Kota Semarang Indonesia. Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Syariah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rivanlee Anandar & Hery Wibowo. 2015. Model Pendekatan Centre-Based dalam menangani anak jalanan perempuan. *Social Work Jurnal* 5(2): 106-208.
- Rohana Hamzah, Kamarudzaman Md Isa & Roziah Mohd Janor. 2010. Spiritual education development model. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(2): 1-12.
- Safina Ramli. 2017. SBJK bakal ubah kawasan Chow Kit. *Utusan Online*. <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/sbjk-bakal-ubah-kawasan-chow-kit-1.523812>.
- Said Hawwa. 1990. *Tarbiyatuna al-Ruhiyyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Saifulazry Mokhtar. 2014. Strategi pelaksanaan dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dan penilaian Modul Kerohanian di Penjara Sandakan. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Salasiah Hanin Hamjah, Ermy Azziaty Rozali, Rosmawati Mohamad Rasit & Zainab Ismail. 2012. Kaedah meningkatkan motivasi belajar dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Islam. *Prosiding Seminar Pemantauan Penyelidikan Tindakan/Strategik*.
- Salina Mat Sehor, Khadijah Abdul Razak & Maimun Aqsha Lubis Abdin Lubis. 2016. Metafizik Islam menangani unsur Sekularisme dalam pendidikan moden masa kini. Dlm. *Falsafah dan Pedagogi Pendidikan Islam Isu dan Cabaran*, disunting Maimun Aqsha Lubis Abdin Lubis, Nor Faizah Abu Hashim & Nur Syamira Abdul Wahab, 29-41. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sarah Senjang Rokayatuloh. 2023. Model pembinaan agama Islam pada anak jalanan di Panti Pelayanan Sosial Anak, Tawangmangu, Karanganyar. *Jurnal Lentera Kajian Keagamaan, Keilmuan dan Teknologi* 22(1): 22-31.
- Sarmia Mohd Abdul. 2016. Pendekatan spiritual bagi menangani stress jururawat Hospital Canselor Tuanku Mukhriz, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia. Disertasi Sarjana. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Hajar Abu Bakar, Noralina Omar, Abd Hadi Zakaria, Haris Abd Wahab. 2012. Intervensi sosial untuk komuniti tersisih: Ke arah pembangunan ummah. *Jurnal Hadhari* 4(2): 29-44.
- Siti Hendon Sheikh Abdullah, Faizah Md Ghazali, Khir Johari Mohd Ali. 2017. Modul pengajaran dan pembelajaran tematik untuk menangani masalah pembelajaran murid-murid tercicir di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 5(1): 7-18.
- Siti Khatijah Said. 2017. The influence of spiritual well-being towards generic skills among students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 7(8): 137-145.
- Siti Nur Fathanah Abd Hamid, Yarina Ahmad & Nor Suziwana Tahir. 2017. Can street children rely on “friends” to survive on the streets? A comparative study between street children in Kuala Lumpur City and Kota Kinabalu, Sabah. *Journal of Administrative Science Special Edition: Socio-Economic Issue* 14(3): 1-20.
- Sundari, Maria. 2021. *Bimbingan keagamaan bagi anak jalanan di Rumah Singgah Al-Ma’un Kota Bengkulu*. Diploma thesis, Fakultas Ushuluddin Adab dan Dakwah, Institut Agama Islam Negeri Bengkulu.
- United Nations Children’ Fund (UNICEF) Malaysia. 2009. Hak Untuk Semua Kanak-Kanak.
- World Health Organization (WHO). 2000. *Working with Street Children*. Switzerland: Mental Health Determinants and Populations.
- Yapandi. 2018. Spiritual strengthening model for street children between the hope and challenges of ASEAN Economic Community (MEA). *Jurnal Pengabdian Kepada Masyarakat* 1(1): 1-11.
- Zulkernai Fauzi. 2013. MOE Malaysia’s Programme to provide education for street children in Kuala Lumpur: Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK). Strategic Partner Meeting on Flexible Learning Strategies Reach Out-of-School Children in Asia and The Pacific. Bangkok, Thailand, 14-15 November.
- Farah Hamizah Samsuddin
Program Sarjana Pengajian Islam (Pengajian al-Quran dan al-Sunnah)
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43650 Bangi Selangor
Malaysia.
Email: farahhamizah18@gmail.com
- Haziyah Hussin (Penulis Koresponden)
Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43650 Bangi Selangor
Malaysia.
Email: haziyah@ukm.edu.my